

21/02/2004

Kemajuan rahmat paling berharga

Mohd Yusof Sulaiman

TEMA sambutan Maal Hijrah 1425 ialah 'Negara Maju Matlamat Kita' dipilih selari dengan falsafah pembangunan serta wawasan negara.

Ini kerana kemajuan adalah rahmat berharga yang perlu dimiliki sesebuah negara bagi memastikan segala usaha ke arah pembangunan dan kesejahteraan rakyat tercapai.

Dengan kemajuan itu, terutama gandingan kemajuan fizikal dan spiritual, nescaya ia mampu membangunkan negara, sekali gus menjadi qudwah (model) kepada negara lain di dunia.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata setiap warga di negara ini diminta agar menghayati makna di sebalik tema ini untuk memastikan kehidupan ummah sentiasa aman, maju dan sejahtera.

"Pada hari ini, kira amat bersyukur dengan kelebihan yang ada pada negara ini, rezeki melimpah-ruah, keamanan dan kestabilan turut dinikmati bersama.

"Justeru, keadaan ini hendaklah dijadikan matlamat dan wawasan kita pada masa depan kerana tanpanya, berkemungkinan kita akan berdepan dengan pelbagai malapetaka," katanya.

Abdul Hamid mengambil contoh beberapa negara yang ditimpa pelbagai musibah ketika ini antaranya Palestin, Iraq, Bosnia dan Afghanistan.

Katanya, kebanyakan negara itu walaupun pada asasnya dinamakan negara, tetapi secara tersirat, nikmat hidup dalam negara itu tidak pernah dikecapi.

Ini kerana, katanya, kebanyakan negara terbabit berdepan dengan pelbagai musibah yang akhirnya menjadikan mereka sebagai hamba di bumi sendiri.

"Keadaan ini tidak pernah berlaku di sini (Malaysia). Oleh itu, semua perlu menyedari perkara ini dan jangan sesekali nikmat hilang akibat kelekaan kita sendiri," katanya.

Sempena sambutan pada tahun ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) selaku urus setia menganjurkan pelbagai kegiatan seperti forum perdana dan majlis tahlil.

Sambutan Maal Hijrah peringkat kebangsaan itu akan diadakan di Pusat Konvensyen Putrajaya bermula jam 8 pagi esok.

Menyingkap catatan sejarah, sambutan tahun baru dalam kalendar Islam di Malaysia sudah lama diadakan. Bagaimanapun, sambutan secara rasmi pada peringkat kebangsaan mula diadakan pada 26 Ogos 1987 bersamaan 1 Muharam 1408.

Idea penganjuran sambutan itu dikemukakan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Dr Yusof Noor kepada Tun Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri ketika itu).

Serentak itu, empat jawatankuasa ditubuhkan bagi memastikan majlis sambutan Maal Hijrah yang julung-julung kali berjalan lancar.

Keempat-empat jawatankuasa itu ialah jawatankuasa induk, jawatankuasa kecil anugerah, jawatankuasa kecil teknikal dan jawatankuasa peraduan nasyid.

Menjelang tanggal 26 Ogos, pihak penganjur mengadakan pelbagai kegiatan seperti majlis tahlil, pertandingan nasyid, syarahan dan kuiz serta raptai perbarisan.

Di samping itu, pameran diadakan di Bilik Pameran Pusat Islam bermula 26 Ogos hingga 30 September tahun itu.

Bagi memeriahkan lagi sambutan, logo Maal Hijrah diperkenalkan. Logo

berbentuk bulatan itu mengandungi huruf 'Ha' di tengah-tengah bulatan yang berlatar belakang sarang labah-labah.

Setiap lambang dalam logo berkenaan menggambarkan maksud tertentu. Huruf 'Ha' bermaksud hijrah, bulatan pula bermaksud dunia global.

Manakala sarang labah-labah adalah simbolik saat getir yang dihadapi Rasulullah dan Saidina Abu Bakar ketika bersembunyi daripada ancaman kaum Quraisy di Gua Thur.

Empat warna iaitu merah, biru, putih dan kuning pada logo pula memperlihatkan makna dan falsafah tersendiri.

Warna merah melambangkan pengorbanan, biru (perpaduan), kuning (keagungan) dan putih (fitrah atau suci).

Sempena sambutan itu juga, penganjur memilih tema 'Menuju Ke Arah Masyarakat Bermoral' sejajar dengan matlamat kerajaan ke arah pembentukan masyarakat Islam yang ideal.

Manakala, lagu ciptaan pensyarah muzik Maktab Perguruan Kuala Terengganu, dipilih lagu tema Maal Hijrah.

Pada malam 1 Muharam, azan Maghrib dari Masjid Negara, Kuala Lumpur diperdengarkan secara langsung melalui televisyen dan radio.

Dalam pada itu, Radio dan Televisyen Malaysia turut menyiarkan beberapa rancangan menarik beberapa hari sebelum awal Muharam dan pada Maal Hijrah.

Majlis sambutan diadakan di Pusat Islam, Kuala Lumpur. Kini, bangunan berkenaan dijadikan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Manakala, Pusat Islam yang kini dikenali Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dipindahkan ke Kompleks Pejabat Kerajaan Putrajaya, Putrajaya.

Acara sambutan dimeriahkan dengan nyanyian nasyid oleh 1,408 orang daripada pelbagai golongan, termasuk saudara baru dan orang kurang upaya.

Kemuncak sambutan Maal Hijrah 1408 adalah penganugerahan tokoh Maal Hijrah kepada ulama terkenal, Syeikh Mohd. Idris Abdul Rauf Marbawi.

Sepanjang sambutan Maal Hijrah 1407 hingga 1424, sebanyak 14 individu dianugerahkan tokoh Maal Hijrah antaranya, Datuk Syeikh Abdul Majid Mohd Noor, Datuk Dr Ismail Ibrahim, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir, Allahyarham Raja Tun Mohar Raja Badiozaman, Tan Sri Datuk S O K Ubaidullah dan Allahyarham Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim.

Dalam pada itu, beberapa tokoh dari luar negara turut terpilih sebagai tokoh Maal Hijrah antaranya Munawir Sjadzali dan Tan Sri Prof Dr Muhammad M Abdul Rauf.

Kejayaan menganjurkan sambutan ini meningkatkan penghayatan dan roh Islam di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Ia juga menjadikan Malaysia negara Islam pertama merayakan kedatangan tahun baru Islam, 1 Muharam secara besar-besaran.

Paling utama, perayaan berkenaan diharapkan dapat membawa masyarakat Islam negara ini 'berhijrah' ke arah kemajuan dan kebaikan.

Setiap acara sepanjang perayaan itu membawa mesej bahawa budaya Islam boleh mengembalikan kekuatan Islam dan mengukuhkan iltizam masyarakat Islam yang masih ketinggalan dalam pencapaian akademik serta ekonomi agar berusaha ke arah

Berlandasan kepada tiga matlamat utama iaitu bersatu, berkorban dan bertolak ansur, Maal Hijrah diharapkan dapat diterima oleh masyarakat lain di negara ini. Selamat menyambut Maal Hijrah 1425.